



# PERSEKUTUAN KRISTIAN MALAYSIA THE CHRISTIAN FEDERATION OF MALAYSIA

(PPM-003-10-14011986)

*The Catholic Bishops' Conference of Malaysia (CBCM), the Council of Churches of Malaysia (CCM) and the National Evangelical Christian Fellowship Malaysia (NECF)*

Tarikh: 18hb Mac 2026

## **Berdiri Bersama dalam Keamanan dan Perpaduan**

Persekutuan Kristian Malaysia mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam di seluruh negara.

Sebagai rakyat Malaysia, kita amat bersyukur kerana dapat menyambut musim perayaan ini dalam suasana aman dan harmoni. Anugerah keamanan ini adalah sesuatu yang tidak harus kita ambil mudah. Menjadi tanggungjawab bersama kita untuk mempertahankan dan memeliharanya melalui penerimaan yang lebih besar, interaksi yang bermakna, kefahaman yang lebih mendalam, serta saling menghormati antara semua komuniti. Kita juga perlu berdiri teguh bersama menentang suara-suara yang cuba memecah-belahkan kita dan menyemai kebencian dalam kalangan sesama rakyat Malaysia. Kepelbagaian kita sentiasa menjadi kekuatan kita, dan perpaduan mesti kekal sebagai komitmen bersama.

Pada Hari Raya ini, marilah kita menunjukkan pendirian kita terhadap perpaduan dalam kepelbagaian dengan sama-sama meraikan bersama saudara-saudari Muslim kita sempena hari yang mulia ini. Semoga musim kemaafan dan pembaharuan ini mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan semangat muhibah dalam kalangan semua rakyat Malaysia.

Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Maaf Zahir dan Batin.

Rev Dr Eu Hong Seng  
Pengerusi

Bishop Datuk Danald Jute  
Naib Pengerusi

Archbishop Julian Leow Beng Kim  
Naib Pengerusi

Bishop Ong Sek Leang  
Naib Pengerusi